

Persona Grata Wanita / Pusat Singgah Masuk Wanita / Female Drop-in Centre

Projek Pusat Singgah Masuk / Temuseru atau Outreach Drop in Centre (ODiC) adalah satu projek yang bersifat kemasyarakatan yang dikendalikan komuniti bagi menjayakan konsep masyarakat prihatin. Ianya bukan saja mampu mengemblem kuasa masyarakat dalam kebersamaan menangani masalah yang kompleks ini tetapi kebersamaannya dalam menyalurkan perkhidmatan kebajikan , sosial dan penjagaan kesihatan secara formal dan tidak formal berdasarkan kepakaran masing masing kepada Komuniti Terpinggir di negara ini telah terbukti keberhasilannya.

MATLAMAT

Meningkatkan Kualiti Kehidupan Komuniti Wanita Terpinggir

OBJEKTIF

- *Menyediakan fasiliti perkhidmatan bagi penjagaan, latihan, rawatan dan sokongan untuk Komuniti Terpinggir yang tersisih.*
- *Menanamkan sikap positif terhadap kehidupan dalam persekitaran yang membantu agar patuh kepada rawatan dan tidak mendatangkan risiko jangkitan kepada orang lain.*
- *Mengemblem tenaga golongan sasaran dalam kebersamaan untuk menangani masalah HIV/AIDS secara komprehensif.*
- *Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kumpulan sasaran dengan latihan dan pembinaan kapasiti (Training and Capacity Building) khususnya dalam bidang kemahiran Vokasional dan kemahiran kemahiran yang ada pasaran (marketable)*
- *Meruntuhkan stigma dan diskriminasi masyarakat terhadap golongan penagih dadah HIV positif melalui tanggungjawab sosial bagi menjayakan konsep masyarakat penyayang.*

RASIONAL

- *Tidak ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau Agensi Kerajaan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang melaksanakan Pusat Harian Wanita dengan cara yang sistematik, berstruktur dan komprehensif.*
- *Pahang merekodkan jumlah kematian akibat AIDS kedua tertinggi selepas Wilayah Persekutuan dengan 996 kes antara 1986 hingga 2006. Kebanyakan dari mereka adalah penagih dadah yang hidup daif dan gelandangan (homeless), di pinggir oleh keluarga dan masyarakat, tidak mempunyai tempat bergantung dan tidak mendapat penjagaan dan rawatan yang sepatutnya.*
- *Stigma dan diskriminasi masyarakat Malaysia masih lagi tinggi terhadap isu HIV/AIDS*

berikutan banyak media melaporkan kes pesakit HIV dipinggirkan oleh keluarga dan masyarakat setempat.

STRATEGI PELAKSANAAN

Projek Pusat Harian Wanita adalah satu projek yang bersifat kemasyarakatan dan kebajikan yang dilestarikan bagi menjayakan konsep masyarakat penyayang. Ianya bukan saja mampu menyatukan masyarakat tetapi menyalurkan perkhidmatan kebajikan, sosial dan penjagaan kesihatan secara formal dan tidak formal kepada Komuniti Terpinggir di negara ini.

Bagi menyediakan khidmat kebajikan, kaunseling, sokongan dan rujukan yang berterusan kepada Komuniti Terpinggir di Malaysia, adalah penting Projek Pusat Harian Wanita ini menumpu kepada aktiviti aktiviti seperti berikut:

1. Pusat Singgah Masuk - Drop in Centre
2. Program Temuseru - Outreach
3. Program Lawatan Kediaman dan Hospital - Home and Hospital Visit
4. Pasukan Urusan Jenazah Insaniah (PUJI)

Drop in Centre – Pusat Singgah Masuk

Masalah penagihan dadah semakin meningkat bukan sahaja dari bilangan, tangkapan, rampasan dan jenis dadah tetapi juga dari keparahan kesan dan akibat nya. Ancaman HIV / AIDS yang menular di kalangan penagih memburukkan lagi isu berkaitan. Sudah menjadi keperluan untuk merawat penagih dadah dalam persekitaran mereka serta cuba mempengaruhi mereka dengan cara yang berkesan dan dapat diteruskan dengan mengenal pasti keperluan asas mereka dengan memenuhi keperluan perkhidmatan ini tanpa syarat.

Pusat Singgah Masuk adalah sebuah persekitaran selamat yang mengalu-alukan, tidak menghukum, mesra pelanggan dan prihatin. Tempat menjalinkan perhubungan yang berlandaskan ketulusan dan hormat serta selamat dari keganasan, gangguan dan diskriminasi. Satu tempat yang wujud kerana keperluan pelanggan yang jelas menonjolkan pemahaman dan penerimaan seseorang

Pusat Singgah Masuk Wanita DiC Malaysia telah mengenal pasti bahawa penjagaan profesional dan berterusan dapat memenuhi keperluan ini dengan melihat keperluan menyeluruh seseorang dan memastikan semua perkhidmatan adalah bagi melayan pelanggan tersebut dan komuniti persekitaran. Pusat ini menjadi tempat berhubung dengan insan lain, tempat menerima pemahaman dan penerimaan, mewujudkan satu perhubungan dengan setiap individu dengan sifat kemanusiaan nya dan bukan penagihan dadah nya.

Aktiviti

1. Persekitaran yang selamat.
2. Penjagaan asas – tempat mandi, bilik tidur, mesin basuh dll.
3. Penjagaan dan pendidikan Kesihatan – rawatan ubatan asas, SRH dsb

Persona Grata Wanita/Female Drop-in

Written by administrator

Saturday, 02 April 2011 15:08 - Last Updated Saturday, 14 December 2013 13:52

4. *Makanan nutirisi*
5. *Kaunseling dan motivasi*
6. *Kumpulan sokong bantu di kalangan Komuniti Terpinggir.*
7. *Skill Building e.g Human Development, Latihan vokasional dan kemahiran hidup dll.*
8. *Rujukan ke Agensi berkaitan*
9. *Penyatuan semula dengan keluarga.*
10. *Memastikan klien yang meninggal dunia diberi pengebumian yang sempurna*
11. *Menemani klien / residen semasa temujanji hospital / klinik. (atas permintaan)*
12. *Memastikan rekod klien sentiasa dikemaskini dan dipantau selain dari memastikan temujanji klien dipatuhi (kesihatan, kebajikan, perundangan dsb)*